

Akademika 87(1), April 2017:189-205

<http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-14>

Kehidupan Adalah Perjalanan: Analisis Metafora Konseptual Dalam Salina Dan La Vie Devant Soi

Life Is A Journey: An Analysis Of Conceptual Metaphor In Salina And La Vie Devant Soi

SUZIANA MAT SAAD, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & IMRAN-HO ABDULLAH

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang kajian perbandingan metafora konseptual KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN yang dikesan dalam bahasa Melayu dan Perancis. Metafora konseptual membolehkan idea atau domain yang abstrak difahami melalui satu idea atau domain lain yang bersifat konkrit. Dua buah novel, satu novel bahasa Melayu dan satu novel bahasa Perancis menjadi sumber data bagi perbincangan dalam makalah ini. Proses pengenalpastian metafora daripada novel menerapkan pendekatan Prosedur Pengenalpastian Metafora di mana setiap unit leksikal daripada ujaran ini diteliti dengan cermat dan diperhalusi bagi memastikan ia bersifat metaforikal. Seterusnya, data berkenaan dibahagikan kepada tiga fokus yang berbeza iaitu individu, pemilihan dan implementasi, yang seterusnya dianalisis berdasarkan kerangka Teori Metafora Konseptual serta Teori Metafora Primer dan Kompleks. Hasil analisis mendapati data ini menunjukkan keserasian dengan kerangka teori yang digunakan dan wujudnya bbeberapa metafora primer dan metafora kompleks konvensional. Di samping itu, dapatan kajian mengukuhkan lagi Teori Metafora Primer dan Kompleks kerana dalam bahasa Melayu dan Perancis metafora konseptual KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN terbina daripada gabungan beberapa metafora primer dan juga kompleks. Situasi demikian didorong oleh pelbagai faktor seperti agama dan moral di samping motivasi dalaman dan juga luaran. Hasil gandingan Teori Metafora Konseptual dan Teori Metafora Primer dan Kompleks menunjukkan bahawa metafora bukan sekadar penggunaan bahasa tetapi mengandungi banyak maklumat ekstra linguistik seperti budaya, gaya pemikiran dan sudut pandang sesebuah masyarakat tentang sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan.

Kata kunci: Metafora konseptual; metafora primer dan kompleks; bahasa Melayu; bahasa Perancis; gaya pemikiran

ABSTRACT

This paper discusses a comparative study of conceptual metaphor LIFE IS A JOURNEY between the Malay language and French. Conceptual metaphor allows an abstract idea or a domain to be understood in terms of another idea or domain which is concrete. Two novels, one in Malay and one in French were selected as the data source. The process of identification of the metaphors utilised Metaphorical Identification procedure whereby each lexical unit of this metaphorical expressions was thoroughly investigated. The data were scrutinized to ensure only metaphorical expressions were identified. They were divided into three different focus, namely individual, selection and implementation. They were further analyzed based on two frameworks namely Conceptual Metaphor Theory and Primary and Complex Metaphor Theory. The analysis shows that they concur with the applied theoretical frameworks. A number of conventional primary and complex metaphors were also found. In addition, the findings reinforced the Primary and Complex Metaphors Theory since in Malay and French conceptual metaphor LIFE IS A JOURNEY has its foundation from a combination of some primary and complex metaphors. Such a situation is driven by many factors such

as religion and moral as well as internal and external motivation. The application of Conceptual Metaphor Theory framework along with Primary and Complex Metaphor Theory has proven that metaphor is not just about language but contains a lot of extra-linguistic information such as the culture, minds and virtues of the community on a matter or issue that is being discussed.

Keywords: Conceptual metaphors; primary and complex metaphor; Malay; French; minds

PENGENALAN

Lewat dekad 70-an telah menyaksikan satu anjakan paradigma yang berlaku dalam bidang kajian metafora yang dipelopori terutamanya oleh Lakoff dan Johnson (1980) melalui kelahiran karya unggul mereka iaitu *Metaphors We Live By*. Penerbitan buku *Metaphors We Live By* menandakan kemunculan aliran Semantik Kognitif serta kelahiran Teori Metafora Konseptual yang membawa definisi baharu dan sekaligus memperkenalkan pendekatan berbeza dalam pengkajian metafora. Aliran Semantik Kognitif meyakini bahawa metafora bukan sekadar bahasa berbunga dan retorik, bahkan mengaitkan metafora dengan sistem kognisi dan pemikiran manusia. Lakoff dan Johnson (1980: 3) berkata “*we have found [...] that metaphor is pervasive in everyday life, not just in language but in thought and action. Our ordinary conceptual system, in terms of which we both think and act, is fundamentally metaphorical in nature.*”

Salah satu kaedah untuk mencari dan mendapatkan persepsi sesebuah komuniti masyarakat tentang konsep-konsep abstrak tertentu ialah dengan mengkaji metafora konseptual dan melihat kepada penggunaan metafora dalam ujaran yang sering digunakan di dalam bahasa-bahasa berkenaan (Deignan 2005). Selain itu, aliran Semantik Kognitif menekankan keperluan untuk membezakan di antara metafora konseptual dan metafora linguistik kerana kedua-dua konsep ini memberi maksud yang berbeza. Safarnejad, Imran dan Norsimah (2013) telah mengingatkan bahawa ujaran metaforikal pada tahap linguistik merupakan manifestasi kepada metafora konseptual yang berlaku pada tahap kognitif. Grady (1997: 1) berpendapat bahawa analisis sebegini mampu memperlihatkan keakraban hubungan tiga segi di antara bahasa, minda dan pengalaman. Beliau berkata “*In short, the analysis of linguistic metaphor proves to be a powerful tool for exploring topics beyond figurative language: By pushing towards deeper analyses of metaphor,*

we ultimately discover an even deeper level of analysis at which relationships between language, mind and experience become defined.” Pada pandangan Grady melalui analisis yang dilakukan terhadap metafora linguistik, hasil analisis mampu dimanfaatkan untuk meneroka topik-topik melewati isu bahasa figuratif semata-mata. Melalui kajian mendalam yang dilakukan, dapatan analisis kelak akan menghasilkan penemuan penting tentang hubungan yang wujud di antara bahasa, minda dan pengalaman.

Bagi Hagège (2002: 33), bahasa mengandungi sejarah kehidupan manusia yang menceritakan tentang perkembangan sesebuah masyarakat serta pengembaraan seseorang individu. Sementara itu kepelbagaian bahasa yang terdapat di dunia ini merupakan identiti kepada kehidupan itu sendiri. Beliau berkata, “*Dans le monde du vivant, le foisonnement des espèces est une des images de la vie, qu’il s’agisse des insectes ou des graminées. La diversité des langues, surgissement torrentueux de la vie, est un motif d’émerveillement pour ceux qui n’ont pas peur de les apprendre, et aussi, on veut l’espérer, pour les linguistes eux-mêmes.* [Terjemahan: Dalam dunia yang hidup ini, percambahan pelbagai jenis spesis adalah salah satu daripada imej kehidupan, baik yang melibatkan serangga mahu pun tumbuhan. Kepelbagaian bahasa, yang terbit secara mencurah-curah dalam kehidupan adalah satu tanda keajaiban kepada mereka yang tidak takut mempelajarinya, dan juga diharapkan untuk ahli bahasa sendiri (bersedia untuk mempelajari dan mengkaji bahasa-bahasa ini)].

Sarjana Barat menyedari tentang keperluan mengkaji metafora dalam bahasa-bahasa lain beracukan pendekatan Lakoff dan Johnson seperti Lawler (1983), Knowles dan Moon (2006). Sebagai contoh kajian yang melibatkan bahasa-bahasa *non-Western* mampu menawarkan pandangan-pandangan alternatif bagaimana budaya lain melihat perkara di sekeliling dengan perspektif yang berbeza (Mühlhäusler 1995) Biar pun begitu,

bilangan kajian metafora selain daripada bahasa Inggeris (BI) masih jauh daripada memuaskan hati (Yu 1998). Menyedari tentang kurangnya kajian yang memfokuskan kepada kajian perbandingan bahasa Melayu dengan bahasa selain daripada BI, penulis mengambil daya usaha untuk mengangkat satu kajian perbandingan BM dan bahasa Perancis (BP) bagi menyahut seruan dan keperluan kajian seumpama ini dijalankan bagi memperlihatkan sisi-sisi persamaan dan kelainan serta faktor yang memotivasikan pembentukan metafora konseptual dalam ujaran-ujaran metaforikal yang digunakan dalam kedua-dua bahasa ini.

Justeru makalah ini meneliti satu metafora konseptual yang paling banyak dibincangkan di kalangan pengkaji metafora konseptual iaitu KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN (Deignan 2016) dengan menggunakan data BM dan BP yang diperoleh menerusi novel-novel Melayu dan Perancis terpilih. Data ini dipastikan mengandungi elemen metaforikal dan diistilahkan sebagai metafora linguistik dalam makalah ini.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kövecses (2002) menyifatkan KEHIDUPAN ini sebagai satu konsep yang teramat abstrak dan sukar dijelaskan. Tiada satu definisi atau penerangan mutlak yang dapat menjelaskan konsep ini secara tuntas dan sempurna. Sifatnya yang dianggap abstrak membuatkan penghuraianya menjadi rumit dan kompleks. Baker (2000: 97) pula berpendapat “*descriptions of human experience rely heavily on metaphor to convey something of that whole lived experience*”. Pengalaman-pengalaman yang dilalui dalam kehidupan seorang manusia merupakan sesuatu yang mustahil untuk diterangkan secara santai dan bersahaja. Justeru salah satu kaedah untuk menjelaskan tentang konsep KEHIDUPAN ini ialah melalui perantaraan metafora konseptual dan metafora linguistik. Metafora linguistik merupakan bukti konkrit yang dapat dikesan dalam penggunaan bahasa. Fiumara (1995) berpandangan sifat kehidupan itu sendiri membawa bersamanya aliran bahasa yang berubah-ubah, maka kajian tentang metafora mampu menambah kesedaran dan pengetahuan akan sifat semula jadi evolusi bahasa manusia. Mengkaji aspek kebahasaan sebenarnya mengkaji tentang aspek sebuah kehidupan. Dari satu sudut, Fiumara berhujah bahawa dengan menghargai

aspek kemetaforaan bahasa, kita sebenarnya berdepan dengan bahasa yang ‘hidup’ sifatnya dan merupakan satu bentuk peluasan makna kehidupan yang ciri-cirinya sama sahaja dengan proses kehidupan iaitu boleh membesar, berkembang, menjadi lemah dan akhirnya pupus atau mati.

Tinjauan yang dilakukan menerusi lensa kajian Semantik Kognitif pula mendapati konsep KEHIDUPAN ialah antara domain sasaran yang sering mendapat perhatian dalam kajian metafora. Ini kerana menurut Kövecses (2002: 23) “*life and death are concepts that are heavily metaphorical in nature. Their metaphorical conceptualization is pervasive in both everyday language and literary works*”. Justeru konsep KEHIDUPAN sering difahami secara metaforikal sebagai HAK MILIK BERHARGA, API, CAHAYA, CERITA, PERTANDINGAN, PEPERANGAN, PERJALANAN dan PEMENTASAN (Yu dan Jia 2016). Perbincangan lebih terperinci tentang metafora KEHIDUPAN dimuatkan dalam sebuah lagi magnum opus oleh Lakoff dan Turner pada tahun 1989 iaitu *More Than Cool Reason*. Bagi Lakoff dan Turner (1989) tidak mungkin ada metafora konseptual tunggal yang memungkinkan manusia menjelaskan konsep berkenaan secara tepat dan padat. Kehidupan yang baik mempunyai beberapa matlamat yang hendak dicapai dan manusia berusaha dengan kemampuan yang ada untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Mereka berdua menyebut faktor ‘kekayaan’ sebagai elemen utama yang mempengaruhi wujudnya kepelbagaian metafora konseptual untuk konsep KEHIDUPAN. Sifatnya yang kaya dengan pelbagai erti akan bersandar pula kepada pentafsiran yang mahu ditonjolkan oleh individu berlainan berdasarkan situasi dan keadaan yang berbeza. Lakoff dan Turner (1989: 52) berkata

“The reason why there are so many conventional metaphors for life, [...] is that these are very rich concepts for us. When we try to conceptualize the wealth of our experiences [...] no single, consistent structure of that experience is possible; instead we need to import structure from a wide variety of source domains if we are to characterize anything approaching the full richness of the target domains”.

Sering kali didapati dalam kajian-kajian dalam BI misalnya, konsep KEHIDUPAN dikaitkan dengan sebuah perjalanan atau pengembaraan, maka terbentuklah metafora konseptual yang terkenal seperti KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN (Lakoff & Johnson 1980; Lakoff

& Turner 1989; Sánchez 1999; Kövecses 2002; Özçalışkan 2003; Deignan 2005; A' Beckett 2006; Banha 2006). Menurut pengkaji-pengkaji ini, struktur metafora berkenaan dapat difahami dengan lebih jelas melalui pembentukan beberapa set persamaan di antara dua domain konseptual iaitu 1) KEHIDUPAN dan 2) PERJALANAN. Set persamaan ini berlaku secara proses pemetaan daripada domain sumber PERJALANAN kepada domain sasaran KEHIDUPAN.

Seseorang yang sedang mengharungi sebuah kehidupan ialah pengembara;
 Matlamatnya ialah destinasi yang hendak dituju;
 Usaha untuk mencapai matlamat ialah jalan-jalan yang diambil;
 Masalah yang timbul dalam kehidupan adalah halangan semasa perjalanan;
 Beberapa pilihan dalam membuat keputusan ialah berada di persimpangan;
 Kejayaan dalam hidup ialah jarak perjalanan yang berjaya ditempuhi

Melalui pemetaan yang dibuat secara sistematik ini, sesuatu konsep atau topik yang bersifat abstrak mampu diterangkan dengan lebih mudah. Misalnya dalam contoh ini, pemahaman kita tentang kehidupan dibentuk sebahagiannya oleh pemahaman kita tentang sebuah perjalanan. Secara tidak langsung, metafora bukan sekadar memudahkan pemahaman, tetapi juga sebagai pengantara kepada manusia dan konsep-konsep abstrak di sekelilingnya.

Kajian-kajian lepas yang berfokus kepada KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN mengambil sumber daripada antologi puisi seperti kajian Sanchez (1999), dari pelbagai sumber seperti kajian Özçalışkan (2003), surat khabar dalam kajian A'Beckett (2006) dan Banha (2006) mengkaji surah-surah dalam Al-Quran. Sanchez (1999) mendapati kebanyakan puisi-puisi yang dikaji dibentuk di sekitar struktur metafora konseptual KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN. Bait-bait puisi ini sangat sepadan dengan pendeskripsian yang telah disusun oleh Lakoff dan Turner (1989). Özçalışkan (2003) pula menunjukkan budaya Turki membentuk KEHIDUPAN sebagai satu pergerakan dalam satu laluan. KEHIDUPAN ini dikatakan berlangsung dalam satu kepungan yang dikawal oleh dua pintu, bermula dengan kelahiran sebagai pintu kehidupan yang merupakan petanda ketibaan manusia di dunia. Keberlangsungan

kehidupan di dunia berakhir dengan kematian yang merupakan pintu keluar di mana manusia dianggap pulang kepada asal-usulnya. Manakala A'Beckett (2006) dalam kajiannya meneliti kata leksikal *eshelon* dalam bahasa Rusia (BR) dan melihat kepada terjemahannya dalam BI. Beliau mendapati terdapat rantaian metafora yang menggunakan kata tersebut dan seterusnya mempengaruhi kaedah terjemahannya. Kata ini dinisbahkan kepada domain sumber PERJALANAN yang menonjolkan pelbagai lapisan pengalaman bergantung kepada konteks penggunaannya.

Selanjutnya Banha (2006) dalam kajiannya melihat kepada metafora konseptual KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN di dalam Al-Quran. Beliau mengatakan domain sumber PERJALANAN dalam Al-Quran dikaitkan dengan kehidupan yang baik dan terkawal yang melibatkan elemen moral yang baik dan perhubungan positif di antara Tuhan dan manusia. Domain sumber ini turut melibatkan satu skema imej yang sangat penting iaitu skema imej LALUAN yang telah dibincangkan secara mendalam dalam kajian-kajian lepas (Lakoff 1987; Johnson 1987). Beliau mendapati di dalam Al-Quran, domain sumber PERJALANAN bersifat dikotomi yang membahagikan cara hidup kepada dua kategori iaitu bermoral dan tidak bermoral, baik dan jahat, mengikut jalan Tuhan dan mengikut jalan syaitan.

Kehidupan seseorang itu distruktur dan dapat difahami dengan menghubungkannya kepada ciri-ciri dan unsur-unsur yang terdapat pada sebuah perjalanan. Ini kerana menurut Jackendoff (1983; 1992 dlm AlZahrani 2008) manusia tidak melalui kehidupan ini dalam dunia sebenar tetapi dalam dunia yang diciptanya sendiri – *a projected world*. Metafora konseptual ini bertunjukkan pengalaman asas penutur sendiri yang mengalami beberapa situasi atau keadaan seperti merancang beberapa tindakan, bertolak dari satu tempat untuk tiba di satu tempat yang lain, dengan tujuan tertentu seperti yang telah ditetapkan di awal perjalanan tersebut. Menurut Lakoff (1993: 224) serta Lakoff dan Johnson (1999: 62), beberapa tumpuan utama dalam sesuatu perjalanan seperti tempat bermula, persimpangan dan destinasi mempunyai hubungan dengan beberapa peristiwa sebenar yang terjadi dalam kehidupan seseorang manusia.

Keadaan ini berlaku kerana faktor kejadian tubuh badan manusia adalah hampir sama di

seluruh dunia disamping keadaan persekitaran juga turut memiliki ciri-ciri yang sama atau hampir sama. Ini jelas sekali terdapat pada perkara-perkara asas yang penting dan utama dalam menguruskan kehidupan, umpamanya keperluan pemakanan dan juga pemerolehan pengalaman berkaitan pergerakan yang memerlukan manusia berpindah daripada satu kedudukan kepada satu kedudukan yang lain.


Beberapa kajian lanjutan berterusan yang dilakukan Grady (1997) serta Lakoff dan Johnson (1999) mendapati KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN merupakan satu metafora kompleks yang menggabungkan dua metafora primer iaitu TUJUAN ADALAH DESTINASI (PURPOSES ARE DESTINATIONS) dan TINDAKAN ADALAH PERGERAKAN (ACTION IS SELF-PROPELLED MOTION). Lakoff dan Johnson (1999: 60-63) misalnya telah menghuraikan secara terperinci metafora kompleks KEHIDUPAN (YANG BERMATLAMAT) ADALAH SATU PERJALANAN dari perspektif budaya, tradisi dan kepercayaan yang diterima pakai secara meluas oleh masyarakat Barat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data-data linguistik yang dipilih daripada dua buah novel terkenal dalam BM dan BP. Menurut Mohamad Fadzeli (2006), novel sesuai dijadikan sebagai sumber kajian dalam cabang ilmu linguistik bagi mendalami dan memahami hakikat bahasa. Karya kesusasteraan Melayu dalam bentuk novel menjadi pilihan untuk mengkaji masyarakat dan budaya Melayu. Ia dianggap sumber kajian yang penting kerana pengarang berpeluang menjelaskan pandangan, membincangkan permasalahan masyarakat dan menyuarakan kritikan dengan panjang lebar berbanding cereka pendek atau puisi. Karya sastera juga adalah sumber data yang penting kerana ia mencerminkan apa yang dilalui oleh sesebuah masyarakat. Novel Melayu yang dipilih untuk diteliti ialah *Salina* hasil karya Sasterawan Negara A. Samad Said, manakala novel Perancis pula bertajuk *La Vie Devant Soi* yang dikarang oleh Romain Gary yang merupakan pemenang Anugerah Goncourt. Kedua-dua novel ini mendapat banyak pengiktirafan di negara masing-masing.

Bagi mengenal pasti metafora dalam novel-novel ini, penulis mengambil perhatian tentang beberapa perkara yang telah diulas tentang sifat-sifat metafora dalam kerangka Semantik Kognitif. Charteris-Black (2004) mengingatkan para pengkaji bahawa setiap perkataan boleh menjadi calon pembawa makna metaforikal jika konteks dan penggunaannya berhasrat sedemikian. Metafora juga mempunyai ciri-ciri seperti kejanggalan dan ketegangan semantik yang berlaku pada tahap bahasa, pragmatik dan konseptual yang terhasil daripada perubahan dalam penggunaan domain. Manakala Sanford (2008) berpendapat sesuatu ujaran itu boleh dianggap mempunyai nilai metaforikal sekiranya mempunyai ciri-ciri berikut: (1) Satu domain konseptual difahami dan selanjutnya digunakan untuk menerangkan satu domain konseptual yang lain, (2) Kejanggalan yang terdapat di antara domain-domain berkaitan, (3) Interpretasi literal ujaran terbabit (yang sesuai dengan konteks) menjadi mustahil dan janggal.

Penulis memilih Prosedur Pengenalpastian Metafora untuk diaplikasi dalam kajian ini. Pendekatan ini telah dibangunkan oleh kumpulan Pragglejaz (2007) yang menawarkan satu prosedur yang eksplisit dengan tahap kebolehppercayaan yang tinggi dan fleksibel untuk mengecam metafora sama ada dalam wacana lisan mahupun tulisan. Selain itu, penulis juga mengambil kaedah sama yang digunakan oleh Jaber, Imran-Ho dan Ravichandran (2016). Teks-teks yang digunakan dibaca dan diteliti dengan cermat bagi mengenal pasti kata leksikal Kehidupan dan Perjalanan serta kata-kata lain yang berkaitan dengannya. Sebagai contoh dalam BM, penulis memerhatikan kata leksikal seperti hidup, kehidupan, menghidupkan, nyawa, tumbuh, jalan, perjalanan, simpang dan jauh. Manakala dalam BP tumpuan diberikan kepada kata leksikal berikut seperti *vie, vivre, exister, chemin, mener, suivre, voyage, avancer*. Setiap ayat, frasa atau petikan yang mengandungi kata-kata leksikal ini akan diteliti dan diperiksa sama ada bersifat metaforikal atau tidak. Selanjutnya data-data dikeluarkan dan disaring mengikut Prosedur Pengenalpastian Metafora. Ini dapat menghindari pemilihan data yang berdasarkan intuisi penulis. Dalam prosedur ini, setiap unit leksikal diteliti bagi memastikan nilai metaforikalnya. Kaedah ini dijelaskan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Prosedur Pengenalpastian Metafora

Sumber: Nacey (2009: 8)

Makna metafora terbit daripada hasil perbezaan atau pertembungan makna di antara dua domain yang muncul semasa ujaran berkenaan digunakan. Jadi, pertembungan makna tersebut berlaku di antara makna konteks dan makna asasnya. Makna asas tidak digunakan dalam konteks wacana berkenaan tetapi terdapat dalam situasi wacana lain. Jika penulis mampu menunjukkan perbezaan di antara makna kontekstual dan makna asasnya, maka unit leksikal tersebut boleh dinilai sebagai metafora. Setelah data dipilih, ia kemudian diperhalusi untuk melihat kepada struktur makronya. Ini seterusnya dicerakinkan kepada tiga fokus analisis iaitu Fokus Individu, Fokus Pemilihan dan Fokus Implementasi. Bagi Fokus Individu tumpuannya ialah kepada individu tersebut, bagaimana 'dia' merancang, menjalani dan bertindak di sepanjang proses kehidupan yang berlaku. Diskusi di bawah Fokus Pemilihan akan melibatkan entiti serta elemen yang menjadi penghalang dan pemberi masalah yang menyebabkan individu terlibat berada di dalam dilema, untuk memilih satu laluan terbaik bagi kehidupannya. Ia dilabelkan sebagai pemilihan kerana individu terbabit terpaksa membuat banyak keputusan yang rasional, logik serta pragmatik apabila berada dalam situasi sedemikian. Fokus Implementasi berkait dengan tatacara, usaha dan termasuk juga sumber luaran

dan bantuan yang diperoleh bagi individu berkenaan untuk meneruskan kehidupannya. Setiap bahagian fokus ini akan membincangkan dua data terpilih, satu data daripada setiap bahasa. Ia selanjutnya dianalisis menggunakan kerangka teori Metafora Konseptual (Lakoff & Turner 1989; Lakoff 1993) serta teori Metafora Primer dan Kompleks (Grady 1997).

ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

FOKUS INDIVIDU

Bahagian ini menumpukan kepada individu atau insan sebagai pelaku utama yang perlu bijak mengatur pelbagai aspek dalam kehidupannya supaya setiap perancangan yang dibuat membuahkan hasil yang baik. Data berikutnya diperoleh daripada kumpulan data BM.

- (1) Dia tidak takut atau pun kkuatir sangat bila kata-kata itu dilahirkan oleh Juminah, Roslinah, Zubaidah dan Norhayati, walaupun cerita-cerita mengenai apa yang berlaku di dalam dunia «pelayan» itu terkadang-kadangk menggerunkan dirinya benar, dirinya yang masih belum tahu liku-liku dan jurang-jurang kehidupan yang terpaksa dilalui oleh tiap-tiap manusia yang terpaksa tunduk kepada kehendak alam — paksaan keadaan dan masa. [Data Melayu *Salina*: muka surat 164]

Selain watak Salina, terdapat juga cerita Nahidah yang dipaksa ibu tirinya menjadi pelayan. Bekerja sebagai pelayan tidak sekadar menghantar minuman atau makanan kepada pelanggan. Sebaliknya Nahidah mendedahkan dirinya kepada risiko diperlakukan secara sewenang-wenang oleh pelanggan yang datang menabur wang untuk mendapat ‘perkhidmatan’ yang di luar skop kerjanya yang hakiki. Situasi yang berisiko ini mendatangkan masalah kepada Nahidah dan ini dapat dikaitkan dengan metafora konseptual **SITUASI BERMASALAH ADALAH BERADA DI LOKASI YANG BERMASALAH**. Keadaan ini menjadi suatu kesulitan dan cabaran kepadanya yang sedang cuba sedaya upaya mengekalkan kesucian diri sebagai gadis Melayu sejati.

Nahidah banyak mengetahui kisah-kisah pelayan yang lebih berpengalaman daripada dirinya, cerita kehidupan yang menggetarkan hati terutama untuk dirinya yang masih baru dalam pekerjaan tersebut (**KEHIDUPAN ADALAH CERITA**). Oleh kerana dia “masih belum tahu” yakni belum ada pengalaman, Nahidah perlu banyak belajar tentang selok-belok dan cabaran pekerjaannya itu (**CABARAN KEHIDUPAN ADALAH LANDSKAP PERJALANAN**). Nahidah perlu membuat perancangan dengan baik supaya jalan hidup yang dilaluinya tidak sama dengan rakan-rakannya yang lain (**MERANCANG KEHIDUPAN ADALAH MERANCANG PERJALANAN**). Selain itu, metafora **KAWALAN** turut dicerna daripada petikan ini berdasarkan frasa *terpaksa tunduk kepada kehendak alam* yang digunakan. Situasi tersebut adalah fitrah pekerjaan sedemikian yang perlu patuh kepada kehendak tamu yang mahukan layanan pelbagai macam. Ternyata ia bukan satu situasi yang menyenangkan. Situasi berada di bawah kawalan ini melibatkan

skema imej hierarki, bahawa seseorang sedang dikuasai oleh suatu kuasa yang lebih kuat. Oleh itu, terdapat satu lagi metafora konseptual di sini, iaitu **BERKUASA ITU DI ATAS, LEMAH ITU DI BAWAH** (Khazriyati 2003).

Pekerjaan sebagai pelayan membabitkan unsur moral dan nilai. Lakoff dan Johnson (1999) menyatakan untuk menegakkan unsur moral supaya selari dengan nilai yang baik, manusia memerlukan satu kekuatan khusus iaitu kehendak yang terbit daripada diri sendiri. Metafora **KEKUATAN MORAL** (Kövecses 2002) melibatkan kekuatan untuk kekal berdiri tegak dan postur yang seimbang serta kekuatan untuk melawan hasutan anasir-anasir yang jahat. Apabila seseorang sihat dan mampu mengawal keadaan di sekelilingnya, seseorang itu lazimnya dapat berdiri dengan gagah dan seimbang. Kerana itu, keelokan moral dikonseptualkan dalam bentuk tegaknya fizikal, postur badan seseorang: **MEMPUNYAI MORAL YANG BAGUS ADALAH BERDIRI TEGAK**, sebaliknya **MORAL YANG BURUK ADALAH BERADA DI BAWAH** (Kövecses 2002).

Sebagai agen, melakukan perkara-perkara buruk yang bertentangan dengan nilai moral akan menjatuhkan status manusia tersebut. Justeru terdapat satu metafora konseptual **MELAKUKAN KEJAHATAN ADALAH KEJATUHAN** di dalam petikan berkenaan. Ini jelas disebut di dalam petikan melalui frasa “liku-liku dan jurang-jurang kehidupan yang terpaksa dilalui”. Manusia boleh jatuh ke dalam jurang kerana melakukan perkara-perkara yang memalukan dan menghilangkan kehormatan kerana terpedaya dengan hasutan-hasutan yang negatif. Jadual 1 menunjukkan metafora linguistik yang membentuk metafora konseptual dalam data 1.

JADUAL 1. Metafora Linguistik dan Metafora Konseptual dalam Data 1

Metafora Linguistik	Metafora Konseptual
cerita-cerita mengenai apa yang berlaku di dalam dunia “pelayan”	KEHIDUPAN ADALAH CERITA
liku-liku dan jurang-jurang kehidupan	SITUASI BERMASALAH ADALAH BERADA DI LOKASI YANG BERMASALAH
liku-liku dan jurang-jurang kehidupan yang terpaksa dilalui oleh tiap-tiap manusia	CABARAN KEHIDUPAN ADALAH LANDSKAP PERJALANAN
terpaksa tunduk kepada kehendak alam — paksaan keadaan dan masa	BERKUASA ITU DI ATAS, LEMAH ITU DI BAWAH

Berikutnya pengkaji tampilkan data Perancis yang berkaitan yang berfokuskan Pengembara.

- (2) Il m'a dit qu'il y avait beaucoup **d'accidents de naissance** qui ont très bien tourné plus tard et qui ont donné des mecs valables. Je lui ai dit d'accord, quand **on est là on est là**, c'est pas comme dans la salle de projection de Madame Nadine où on peut tout mettre en **marche arrière et retourner chez sa mère à l'intérieur**,... [Data Perancis *Vie devant soi* : muka surat 215]
[Beliau memberitahu saya bahawa terdapat banyak **kemalangan kelahiran** yang kemudiannya berlangsung dengan baik dan menghasilkan manusia yang berguna. Saya katakan kepadanya baiklah, **apabila kita ada di situ, maka kita ada di situ**, ia bukan seperti dalam bilik tayangan Madame Nadine di mana segala-galanya boleh **mengundur ke belakang dan kembali ke dalam perut ibu** semula]

Dalam pemetaforaan KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN, fasa kelahiran merupakan fasa pertama yang akan dilalui oleh setiap makhluk di bumi. Kelahiran bayi merupakan saat yang dinanti-nanti oleh kebanyakan pasangan yang berkahwin. Pasangan suami isteri boleh merancang bilangan anak yang mereka mahukan. Membuat perancangan dalam hidup adalah membuat itinerari perjalanan. Namun dalam data (2), berbeza pula implikasinya. Kata leksikal "accidents" dalam data merupakan peristiwa buruk yang boleh berlaku sewaktu dalam perjalanan. *Il m'a dit qu'il y avait beaucoup d'accidents de naissance qui ont très bien tourné*. Beliau memberitahu saya bahawa terdapat banyak **kemalangan kelahiran** yang kemudiannya berlangsung dengan baik]. Namun di sini, frasa "accidents de naissance" [kemalangan kelahiran] merujuk kepada proses mengandung dan melahirkan yang berlaku tanpa sengaja atau tidak dirancang. Lazimnya dalam konteks kehidupan seseorang perlu merancang hidupnya (MERANCANG KEHIDUPAN ADALAH MEMBUAT ITINERARI PERJALANAN). Namun dalam data ini kejadian ini berlaku secara tidak sengaja berikutan kelahiran ini berlaku di luar hubungan nikah dan bayi yang dilahirkan merupakan anak tidak sah taraf. Kecuaian ini menimbulkan kesulitan kerana stigma masyarakat yang melihat anak-anak ini adalah anak-anak jalanan yang dibesarkan oleh ibu-ibu yang melakukan pekerjaan yang rendah moralnya. Kebimbangan ini mungkin kurang munasabah kerana terdapat bukti yang nyata bahawa anak-anak daripada 'kemalangan ini' telah menjadi manusia berguna. Masyarakat Perancis mengaitkan peristiwa yang

tidak diinginkan sebagai satu kemalangan. Justeru dapat dikatakan di sini terdapat satu lagi pemetaan yang menghasilkan metafora konseptual berikut iaitu PERISTIWA YANG TIDAK DIINGINI ADALAH SATU KEMALANGAN.


Frasa seterusnya dianalisis **quand on est là on est là, c'est pas comme dans la salle de projection de Madame Nadine où on peut tout mettre en marche arrière et retourner chez sa mère à l'intérieur* *. Apabila seorang manusia lahir di atas muka bumi ini, maka dia hidup selagi nyawa masih ada, biarpun sesulit mana keadaannya, hidup tetap terus berlangsung - *quand on est là on est là*, [apabila kita ada di situ, maka kita ada di situ] di mana metafora konseptual SITUASI ADALAH LOKASI terhasil daripada ujaran tersebut. Dalam frasa berikutnya maksud petikan secara keseluruhannya ialah sesuatu peristiwa yang telah berlaku tidak akan dapat diundur dan diulang-ulang semula. Dalam petikan ia ditampilkan dengan ujaran berikut **c'est pas comme dans la salle de projection de Madame Nadine où on peut tout mettre en marche arrière et retourner chez sa mère à l'intérieur* *[ia bukan seperti dalam bilik tayangan Madame Nadine di mana segala-galanya boleh mengundur ke belakang dan kembali semula ke dalam perut ibu].

Dalam realiti kehidupan, manusia tidak dapat mengubah peristiwa yang telah berlaku. Mustahil bagi manusia untuk membuat putaran, mengundur kembali ke permulaan perjalanan hidupnya (TINDAKAN ADALAH PERGERAKAN) seolah-olah seperti dalam tayangan filem iaitu kembali semula ke dalam rahim ibu (KEHIDUPAN ADALAH SATU TAYANGAN FILEM dan KEHIDUPAN ADALAH SATU BEKAS atau lebih tepat TUBUH BADAN ADALAH BEKAS). Segala peristiwa dan perkara di dalam hidup perlu dihadapi dengan cecak dan kehidupan tetap perlu diteruskan. Jadual 2 menunjukkan pertalian di antara metafora linguistik dan metafora konseptual di atas.

Pelaksana iaitu "Je" dalam petikan menyedari dan memahami bahawa dia perlu mengawal cara hidupnya di atas jalan tersebut **Je lui ai dit d'accord, quand on est là on est là* * [Saya katakan setuju kepadanya, apabila kita berada di sini maka kita di sini]. Dia tidak terbawa-bawa dengan emosi negatif, umpamanya menyalahkan orang dewasa di atas nasib yang menimpanya. Situasi seumpama ini diutarakan oleh Lakoff dan Johnson (1999) sebagai metafora KAWALAN DIRI yang dapat difahami melalui proses pemetaan dalam Rajah 2.

JADUAL 2. Metafora Linguistik dan Metafora Konseptual dalam Data 2

Metafora Linguistik	Metafora Konseptual
accidents de naissance	PERISTIWA YANG TIDAK DIINGINI ADALAH SATU KEMALANGAN
Il m'a dit qu'il y avait beaucoup d' accidents de naissance qui ont très bien tourné	MERANCANG KEHIDUPAN ADALAH MEMBUAT ITINERARI PERJALANAN
<i>quand on est là on est là</i>	SITUASI ADALAH LOKASI
<i>c'est pas comme dans la salle de projection de Madame Nadine</i>	KEHIDUPAN ADALAH SATU TAYANGAN FILEM
<i>où on peut tout mettre en marche arrière</i>	TINDAKAN ADALAH PERGERAKAN
<i>retourner chez sa mère à l'intérieur</i>	KEHIDUPAN ADALAH SATU BEKAS



RAJAH 2. Pemetaan Metafora KAWALAN DIRI

Berdasarkan frasa **quand on est là on est là**, ternyata pelaksana seseorang yang tetap pendirian, kedudukan dan jelas pegangannya. Dia mampu mengawal dirinya daripada terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang berlaku di persekitarannya.

FOKUS IMPLEMENTASI

Bahagian fokus implementasi akan mengupas tatacara, usaha dan termasuk juga sumber luaran dan bantuan yang diperoleh bagi individu berkenaan untuk meneruskan kehidupannya.

- (3) maka Katijah pada setiap waktu yang agak baik mengambil kesempatan **melepaskan sepatah dua kata pembuka jalan fikiran** Siti Salina untuk **memelihara dirinya** sendiri daripada terus **diperkuda** orang tanpa belas kasihan. [Data Melayu Salina: muka surat 130].

Data ini menceritakan tentang Katijah wanita Melayu di usia pertengahan yang semakin menyedari bahawa mereka perlu mengubah kehidupan kepada yang lebih berorientasikan agama (Siti Marziah et al. 2015). Beliau sentiasa bersedia untuk menasihati Siti Salina secara berhikmah dan lemah lembut. Siti Salina terpaksa melakukan

kerja yang dipandang rendah masyarakat demi meneruskan hidupnya dan juga kekasih hati yang kejam. Terdapat beberapa frasa yang menjadi fokus dalam petikan ini iaitu **melepaskan sepatah dua kata**, **pembuka jalan fikiran**, **memelihara diri** dan **diperkuda orang**.

Frasa **melepaskan sepatah dua kata** sekali lagi menyaksikan penggunaan metafora BEKAS. Kata-kata dikeluarkan daripada mulut (TUBUH BADAN ADALAH BEKAS) untuk disampaikan daripada pembicara kepada pendengar, yakni dalam hal ini, daripada Katijah kepada Siti Salina. Maka komunikasi berlangsung di antara keduanya. Senario ini adalah sebahagian daripada perbincangan metafora SALURAN (Reddy 1979) iaitu satu hipotesis perhubungan kognitif yang berlaku di antara proses komunikasi dengan pakej penerimaan dan penghantaran maklumat. Metafora SALURAN merupakan metafora *sine qua non* kepada perkembangan teori Metafora konseptual. Ia selanjutnya disimpulkan secara tuntas oleh Lakoff dan Johnson (1980: 10) sebagai:

“the speaker puts ideas (objects) into words (containers) and sends them (along a conduit) to a hearer who takes the idea/objects out of the word/containers”.

Justeru metafora konseptual yang terbit berlandaskan rumusan berkenaan adalah seperti berikut:

1. IDEA/ MAKNA ADALAH OBJEK;
2. EKSPRESI LINGUISTIK ADALAH BEKAS;
3. KOMUNIKASI ADALAH PENGHANTARAN.

Seterusnya, frasa melepaskan sepatah dua kata, dapat juga diwakili oleh metafora primer SESUATU YANG BOLEH DICAPAI ADALAH SESUATU YANG KELUAR (BECOMING ACCESSIBLE IS EMERGING (Grady 1997)). Kata-kata ini akhirnya membawa kesan kepada cara Siti Salina berfikir yang dinyatakan di dalam frasa *pembuka jalan fikiran*. Terdapat metafora lain yang dikenal pasti di sini iaitu PEMIKIRAN ADALAH PERGERAKAN yang dapat dikhususkan lagi kepada metafora CARA BERFIKIR ADALAH LALUAN (Lakoff & Johnson 1999).

Frasa *memelihara dirinya* pula merujuk kepada jiwa dan semangat dalaman Siti Salina dan bukan semata-mata tubuh fizikalnya. Sering kali wanita dianggap makhluk yang lemah, kudrat mereka tidak segagah orang lelaki. Begitu juga emosi, naluri dan jiwa wanita yang mudah tersentuh dan terkesan dengan kejadian yang berlaku kepada diri mereka. Oleh itu wanita perlu melindungi dirinya sendiri dan juga perlu dilindungi oleh mereka yang mempunyai tanggungjawab ke atasnya. Pada hemat penulis, keadaan kehidupan wanita sebegini dapat disimpulkan menjadi satu metafora konseptual khusus iaitu KEHIDUPAN WANITA ADALAH DALAM BEKAS. Ini kerana

ciri-ciri hidup wanita yang telah diterangkan di atas. Bagaimanapun situasi berbeza telah berlaku terhadap Siti Salina. Teman lelakinya Abdul Fakar yang sepatutnya menjadi lelaki budiman telah mengambil kesempatan yang seluas-luasnya di atas kelemahan tersebut untuk menjadikan Siti Salina seperti hamba bertaraf haiwan (kuda) layaknya.

Di sini telah berlaku proses kehaiwanan yang menurunkan taraf seorang manusia ke tahap yang lebih rendah iaitu tahap haiwan. Jika dikaitkan dengan metafora Rantainya Utama Makhluk (RUM), segala objek dan entiti RUM membentuk satu sistem berhieraki. Setiap makhluk dan benda berada pada satu kedudukan yang tetap pada rantainya itu. Sebagai contoh, Tuhan berada pada tahap hierarki yang paling tinggi, diikuti oleh malaikat, manusia, haiwan, tumbuhan dan objek kompleks serta objek alam fizikal dan sebagainya (Imran 2011). Oleh kerana kedudukan manusia berada selapis lebih tinggi daripada haiwan, frasa ini menunjukkan satu bentuk penghinaan yang menjatuhkan martabat golongan manusia. Status manusia yang berkehendak dan berakal diletakkan setaraf dengan haiwan yang mempunyai kehendak sahaja tanpa akal (MANUSIA ADALAH HAIWAN). Di sini metafora konseptual yang dapat dicerap ialah STATUS TINGGI ADALAH DI ATAS, STATUS RENDAH ADALAH DI BAWAH. Meskipun kuda tergolong dalam kumpulan haiwan yang jinak namun sifatnya yang mesra itu telah disalahguna yakni *diperkuda* ke tahap yang melampaui batas. Jadual 3 menunjukkan metafora konseptual yang terjana daripada metafora linguistik yang dicerap daripada Data 3

JADUAL 3. Metafora Linguistik dan Metafora Konseptual dalam Data 3

Metafora Linguistik	Metafora Konseptual
melepaskan sepatah dua kata pembuka jalan fikiran memelihara diri diperkuda orang	TUBUH BADAN ADALAH BEKAS CARA BERFIKIR ADALAH LALUAN KEHIDUPAN WANITA ADALAH DALAM BEKAS MANUSIA ADALAH HAIWAN STATUS TINGGI ADALAH DI ATAS, STATUS RENDAH ADALAH DI BAWAH

Lihat pula situasi berikutnya yang dicerna daripada data Perancis.

- (4) *Elle avait toute sa tête, ce jour-là, et elle a même commencé à faire des projets d'avenir, car elle ne voulait pas être enterrée religieusement. J'ai d'abord cru que cette Juive avait peur de Dieu et*

elle espérait qu'en se faisant enterrer sans religion, elle allait y échapper. Ce n'était pas ça du tout. Elle n'avait pas peur de Dieu, mais elle disait que c'était maintenant trop tard, ce qui est fait est fait et Il n'avait plus à venir lui demander pardon. Je crois que Madame Rosa, quand elle avait toute sa tête, voulait mourir pour de bon et pas du tout comme


s'il y avait encore du chemin à faire après. [Data Perancis *Vie devant soi*: muka surat 153]

[Dia dapat berfikir dengan waras pada hari itu, dan dia juga mula membuat perancangan untuk masa depan, kerana dia tidak mahu dikebumikan secara keagamaan. Saya pada mulanya menyangka bahawa wanita Yahudi ini takut kepada Tuhan dan beliau berharap dengan acara pengkebumian yang tidak melibatkan agama, dia akan dapat **melarikan diri**. Ia bukan sama sekali seperti yang disangka. Dia tidak takut kepada Tuhan, tetapi katanya sekarang telah terlewat, apa yang terjadi telah pun terjadi dan Dia tidak akan datang memohon maaf kepadanya. Saya percaya Madame Rosa ketika dia sedarnya, hanya mahu mati untuk selama-lamanya dan bukan sekali seperti ada **jalan lain lagi yang perlu dilalui selepas itu**]

Petikan ini membawa senario Madame Rosa yang semakin uzur di mana dia sudah mula merancang-rancang apa yang bakal berlaku apabila dia kembali kepada Tuhannya. Fasa pertama perjalanan manusia menuju Tuhannya selepas kematian bermula semasa dibawa ke tanah perkuburan. Pemahaman manusia tentang ritual ini dan kepentingannya bergantung kepada kepercayaan individu berkenaan kepada Tuhan dan agama yang dianutinya. Dalam petikan ini misalnya terkandung satu metafora konseptual MEMBUAT PERANCANGAN ADALAH MERENCANA ITINERARI menerusi ayat **elle a même commencé à faire des projets d'avenir car elle ne voulait pas être enterrée religieusement** [dan dia juga mula membuat perancangan untuk masa depan, kerana dia tidak mahu dikebumikan secara keagamaan]. Merujuk kepada petikan ini, dapat difahami yang Madame Rosa menyatakan keengganannya untuk dikebumikan mengikut ritual agama, seolah-olah Madame Rosa mengelak dirinya daripada dikaitkan dengan agama dan Tuhan. Ini dibuktikan dalam ayat berikutnya **J'ai d'abord cru que cette Juive avait peur de Dieu et elle espérait qu'en se faisant enterrer sans religion, elle allait y échapper** [Saya pada mulanya menyangka bahawa wanita Yahudi ini takut kepada Tuhan dan beliau berharap dengan acara pengkebumian yang tidak melibatkan agama, dia akan dapat melarikan diri]. Menerusi data ini dapat dikatakan bahawa Tuhan dan agama seolah-olah ditakuti oleh Madame Ros. Jika dihubungkan dengan skema imej LALUAN misalnya di dalam KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN, Madame Rosa seolah-olah terperangkap dalam satu perjalanan yang dikawal oleh Tuhan dan agama. Ini menjadikannya tidak selesai dan mahu

melepaskan dirinya daripada situasi berkenaan. Hal ini dapat digambarkan menerusi Rajah 3.

Madame Rosa merupakan individu yang bertanda bulat di dalam satu bekas yang berusaha untuk meloloskan diri daripada kawalan Tuhan dan agama sepanjang kehidupannya yang ditandakan dengan anak-anak panah kecil yang datang daripada pelbagai arah. Laluan kehidupan daripada kelahiran hingga kematian ditandai dengan dua anak panah besar bermula daripada kotak A kepada kotak B.



RAJAH 3. Jalan Keluar dan Usaha untuk Membebaskan Diri

Namun sebenarnya Madame Rosa seorang yang percaya kepada Tuhan sekalipun telah banyak melakukan dosa dan kesilapan semasa hidupnya **Ce n'était pas ça du tout. Elle n'avait pas peur de Dieu, mais elle disait que c'était maintenant trop tard, ce qui est fait est fait et il n'avait plus à venir lui demander pardon** [Ia bukan sama sekali seperti yang disangka. Dia tidak takut kepada Tuhan, tetapi katanya sekarang telah terlewat, apa yang terjadi telah pun terjadi dan Dia tidak akan datang memohon maaf kepadanya].

Madame Rosa berada dalam satu situasi perjalanan yang menghampiri destinasi terakhir (SITUASI ADALAH LOKASI). Namun Madame Rosa masih lagi cuba untuk merancang-rancang masa depannya sedangkan hakikatnya apabila tiba ke destinasi terakhir, itulah pengakhirannya dan tiada lagi perjalanan lain yang boleh dilakukannya selepas itu seperti dalam frasa berikut **pas du tout comme s'il y avait encore du chemin à faire après** [bukan sekali seperti ada jalan lain lagi yang perlu dilalui selepas itu]. Frasa ini mempunyai satu metafora konseptual lain iaitu SAMPAI KEPADA

MATLAMAT ADALAH TIBA KE DESTINASI).
Jadual 4 menunjukkan metafora linguistik dan

metafora konseptual yang dikesan daripada data bahasa Perancis ini.

JADUAL 4. Metafora Linguistik dan Metafora Konseptual dalam Data 4

Metafora Linguistik	Metafora Konseptual
<i>commencé à faire des projets d'avenir</i>	MEMBUAT PERANCANGAN ADALAH MERENCANA ITINERARI.
<i>c'était maintenant trop tard, ce qui est fait est fait et Il n'avait plus à venir lui demander pardon</i>	SITUASI ADALAH LOKASI
<i>pas du tout comme s'il y avait encore du chemin à faire après</i>	SAMPAI KEPADA MATLAMAT ADALAH TIBA KE DESTINASI

Penggunaan metafora di sini memenuhi fungsi penerang yang sangat diperlukan atau disebut sebagai *necessity hypothesis* (Jäkel 2002). Ini kerana sesetengah keadaan yang sulit sangat sukar

diterangkan dengan bahasa literal biasa. Sebaliknya melalui metafora dengan hanya menghubungkan dan menggabungkan elemen-elemen daripada sumber yang lain ia menjadi jelas dan mudah difahami.

Sumber: Perjalanan	—————→	Sasaran: Kehidupan
Pengembara	—————→	Madame Rosa
Merancang Itinerari	—————→	Membuat perancangan: <i>faire des projets d'avenir</i>
Halangan	—————→	Masalah: <i>elle ne voulait pas être enterrée religieusement peur de Dieu</i>
Cari jalan keluar	—————→	Penyelesaian: <i>se faisant enterrer sans religion, échapper</i>
Menuju Destinasi	—————→	Usaha untuk mencapai matlamat: <i>mourir pour de bon et pas du tout comme s'il y avait encore du chemin à faire après</i>

Kehidupan manusia dikonseptualkan dengan pelbagai cara dan ia bergantung sedikit sebanyak kepada nilai dan pandangan masyarakat tentang konsep KEHIDUPAN tersebut. Penulis berpendapat kepercayaan kepada Tuhan dan praktis agama sangat berpengaruh dalam membentuk *weltanschauung* sebahagian daripada masyarakat manusia. Pandangan alam semesta Melayu merangkumi dua kehidupan, dunia dan akhirat tetapi untuk masyarakat Perancis lain pula pegangan mereka. Menurut Finney (2001: 1):

“The worldview of France is characterized by French perceptions, beliefs, values, and thought processes. France is a very nationalistic country, which prides itself on being the best. To outsiders of the culture they seem condescending, however, this is an important aspect in understanding the French culture. Perhaps one of the reasons France is so nationalistic is due to their extensive and detailed history. Although almost 80% of France’s population is Roman Catholic, most of the French do not place a high emphasis on Religion”.

Pada hemat penulis, pendapat ini telah mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan pada bahagian ini. Penekanan berbeza terhadap pegangan dan falsafah hidup menstruktur pemikiran masyarakat yang lantas menerbitkan metafora yang berbeza bagi menjelaskan pegangan mereka.

FOKUS PEMILIHAN


Bahagian ini melihat kepada langkah-langkah dan situasi peristiwa yang memerlukan kepada pengambilan keputusan yang efektif dan efisien. Meskipun kadang kala keputusan yang dibuat itu tidak semestinya benar dan tepat, tetapi tindakan membuat keputusan adalah sesuatu yang perlu berdasarkan peristiwa dan suasana pada ketika itu.

- (5) Dan kelebihan ini juga., sekali lalu, menampakkkan dirinya seorang yang sama sekali fanatik kepada agama (agak aneh)! dengan tidak mempedulikan soal lain yang menjadi faktor besar dalam **menentukan nasib manusia**, menentukan **perjalanan manusia sama ada ke jalan kebaikan ataupun ke jalan keburukan**. [Data Melayu *Salina*: muka surat 218]

Merujuk kepada bahagian akhir petikan ini, dapat difahami yang kehidupan manusia ini sememangnya boleh dirancang dan dipilih. Leksikal perjalanan merujuk kepada pergerakan hidup manusia yang hendak berubah tempat dari satu destinasi ke satu destinasi lain. Manusia tersebut mempunyai dua pilihan yang bersifat dikotomi atau kontras samada jalan yang positif atau jalan yang negatif, jalan kebenaran atau jalan kesesatan. Latar kepada petikan ini ialah berkenaan Haji Karman yang merupakan seorang guru agama – guru Al-Quran di tempat tinggalnya. Beliau mempunyai bilangan anak murid yang ramai namun beliau bimbang apabila mereka semakin lupa kepada ajaran agama Islam yang sebenar dan mengambil mudah urusan agama kerana memenuhi

tuntutan duniawi semata-mata. Ajaran Al-Quran menekankan akhlak dan budi bahasa yang terpuji justeru ia banyak berunsurkan panduan moral dan pendidikan kepada manusia seluruhnya. Domain sumber PERJALANAN didapati sangat produktif di dalam kitab ini (Charteris-Black 2004). Menurut Charteris-Black lagi situasi ini mungkin dipengaruhi oleh kekerapan permusafiran yang terpaksa dilakukan oleh para penganut awal Islam kerana menerima tekanan dan penganiayaan daripada masyarakat bukan Islam. Selain daripada itu, masyarakat Arab merupakan pedagang yang sentiasa berulang-alik ke utara di Syam pada musim panas dan ke selatan di Yaman pada musim sejuk. Mengharungi perjalanan yang panjang dan sukar sudah sebatian dengan kehidupan mereka.

Berbalik kepada petikan data di atas, dua jalan yang disebutkan, jalan kebaikan dan jalan keburukan. Jalan kebaikan menuju ke syurga dilalui dan dipilih oleh Muslim yang taat kepada ajaran Allah manakala sebaliknya jalan ke neraka oleh mereka yang engkar dan derhaka kepada Allah. Banha (2006) mengetengahkan rajah berikut:



RAJAH 4. Aliran Metafora Perjalanan di dalam Al-Quran
Sumber: Banha (2006)

Agama telah membekalkan penganutnya dengan ajaran Tuhan yang lengkap dan diberi pelbagai panduan dan peringatan supaya umat manusia beroleh kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat (AGAMA ADALAH KOMPAS DALAM PERJALANAN, PERINGATAN TUHAN ADALAH AMARAN DALAM

PERJALANAN). Penggunaan jalan kebaikan dan keburukan dalam petikan ini hakikatnya berdasarkan pengamalan dan pengamatan agama Islam yang dijiwai oleh masyarakat Melayu secara khususnya (PILIHAN DALAM HIDUP ADALAH BERADA DI PERSIMPANGAN JALAN).

Sumber: Perjalanan	—————>	Sasaran: Kehidupan
Penunjuk arah - Kompas	—————>	Agama Islam
Persimpangan	—————>	Pilihan cara hidup: jalan kebaikan ataupun ke jalan keburukan
Tanda amaran di jalan	—————>	Peringatan Tuhan : agama...menentukan nasib manusia, menentukan perjalanan manusia sama ada ke jalan kebaikan ataupun ke jalan keburukan

Bagi data daripada bahasa Perancis, petikan di bawah dipilih untuk dianalisis.

- (6) *Je pensais à tout cela en regardant Madame Rosa pendant que sa tête était en vadrouille. C'est ce qu'on appelle la sénilité débile accélérée avec des allers et retours d'abord et puis à titre définitif.* [Data Perancis *Vie devant soi*: muka surat 171]
[Saya memikirkan tentang semua ini sambil memandang Madame Rosa yang pada waktu itu kepalanya merayau-rayau. Ini dipanggil **keadaan nyanyuk bodoh yang dipercepatkan** secara **berulang-alik** pada permulaannya dan kemudian secara terus menerus].

Data (6) ini menyaksikan 'Je' iaitu Momo sebagai watak utama yang melihat kepada keadaan mental Madame Rosa yang tidak stabil seolah merayau-rayau pergi balik tanpa tujuan, kadang kala sedar kadang kala terlupa berikutan implikasi kepada sakit Alzheimer beliau yang semakin teruk. Madame Rosa dilihat sebagai sebuah kereta tua – *une vieille bagnole* (muka surat 170) yang bergerak secara mundur-mandir tanpa tujuan yang pasti. Maka kerana itu leksikal seperti *accélérée* [kelajuan yang bertambah] dan *allers et retours* [berulang-alik] telah digunakan untuk menjelaskan keadaan perjalanan hidup Madame Rosa pada ketika itu.

Perjalanan hidupnya berlangsung tanpa tujuan ditampilkan melalui ayat berikut **Je pensais à tout cela en regardant Madame Rosa pendant que sa tête était en vadrouille** [Saya memikirkan tentang semua ini sambil memandang Madame Rosa yang pada waktu itu kepalanya merayau-rayau]. Beliau hilang kewarasan dengan cepat pada saat itu dan disifatkan sebagai pergerakan pergi-balik seolah-olah dia sudah hilang kawalan ke atas dirinya sendiri. Gambaran ini diberikan melalui frasa berikut **la sénilité débile accélérée avec des allers et retours d'abord et puis à titre*

*définitif** [Ini dipanggil keadaan nyanyuk bodoh dengan kelajuan yang bertambah secara berulang-alik pada permulaannya dan kemudian secara terus-menerus. Dalam contoh ini, Madame Rosa seolah-olah berada di atas sebuah kenderaan iaitu sebuah motokar dan pemandu tersebut seolah-olah hampir hilang tujuan dan kawalan maka berlaku secara berulang-alik, pergi dan balik **allers et retours** sehingga akhirnya tidak lagi berupaya mengendalikan motokar tersebut **à titre définitif**.

Sepertimana dalam realiti kehidupan ini, seseorang yang sudah melewati sebuah perjalanan kehidupan yang panjang akan mengalami sedikit sebanyak masalah terutama masalah kesihatan. Ini dibayangkan dalam petikan (6) melalui penggunaan metafora kenderaan yang hampir rosak. Dengan usia dan masalah kesihatan yang ditanggungnya, perjalanan Madame Rosa sudah hampir tiba ke destinasi. Masalah utama Madame Rosa ialah pada kewarasanya apabila beliau mempunyai masalah ingatan: adakalanya waras adakalanya tidak yang merupakan maksud kepada **sénilité** dan **allers et retours**.

Dalam perbincangan Lakoff dan Turner (1989), kematian juga termasuk dalam proses perjalanan ini iaitu pada fasa terakhir perjalanan. Dalam petikan di atas penulis mendapati terdapatnya satu metafora baharu iaitu TUBUH BADAN ADALAH KENDERAAN atau lebih tepat lagi TUBUH BADAN ADALAH KERETA (Sanchez 1999). Tubuh badan Madame Rosa adalah kenderaan seperti kereta yang dibawa di sepanjang perjalanan tersebut. Kadang kala kereta tersebut dipandu secara laju yakni **accélérée**, dan kadang kala terpaksa pula berulang-alik, yang dinyatakan melalui **allers et retours**, sehingga akhirnya kereta tersebut rosak dan tidak mampu untuk meneruskan lagi perjalanan itu seperti yang dinyatakan di akhirnya, **et puis à titre définitif**.

Sumber: Perjalanan	—————>	Sasaran: Kehidupan
Pengembara	—————>	Madame Rosa
Keadaan kereta	—————>	Keadaan fikiran : <i>sa tête était en vadrouille</i>
Pergerakan kereta	—————>	Fikiran yang sentiasa aktif : <i>accélérée, allers et retours</i>
Masalah kereta	—————>	Gangguan ingatan: <i>sénilité</i>
Kereta rosak	—————>	Tubuh badan dan fikiran berhenti berfungsi: <i>et puis à titre définitif</i>

KESIMPULAN

RUJUKAN

Perbincangan dalam makalah ini telah melihat enam data terpilih daripada dua buah novel Melayu dan Perancis yang terkenal. Daripada analisis mendalam yang dilakukan, ia telah menunjukkan kedua-dua bahasa mempunyai persamaan pada tahap metafora konseptual umum iaitu KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN. Analisis terperinci terhadap data-data ini menunjukkan KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN dibentuk oleh metafora primer dan juga metafora kompleks. Di antara metafora primer yang dikesan adalah: SITUASI ADALAH LOKASI dan TINDAKAN ADALAH PERGERAKAN.

Terdapat juga metafora kompleks yang terlibat seperti KEHIDUPAN ADALAH CERITA, KEHIDUPAN ADALAH SATU TAYANGAN FILEM, KEHIDUPAN ADALAH BEKAS, KEHIDUPAN WANITA ADALAH BEKAS. Metafora lain yang didapati adalah seperti metafora KAWALAN, metafora KEKUATAN MORAL serta skema imej LALUAN dan skema imej ATAS-BAWAH.

Kehadiran pelbagai metafora lain dalam KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN sebenarnya memperlihatkan sudut pandangan kedua-dua buah komuniti masyarakat ini tentang konsep KEHIDUPAN yang sedang mereka jalani. Terdapat banyak faktor yang mendorong manusia berfikir dalam acuan sedemikian seperti faktor agama, faktor moral, faktor motivasi dan sebagainya. Terdapat persamaan dan tidak kurang juga perbezaan yang dapat dikesan setelah analisis selesai dilakukan. Aplikasi kerangka teori Metafora Konseptual beserta dengan teori Metafora Primer dan Kompleks dalam makalah ini berhasil menunjukkan bahawa metafora bukan sekadar penggunaan bahasa, tetapi mengandungi banyak maklumat tambahan linguistik seperti budaya dan gaya pemikiran serta sudut pandangan sesebuah masyarakat tentang sesuatu perkara atau isu yang sedang dibincangkan.

- A'Beckett, L. 2006. On Linking Fragments of Discourse to the Conceptual Metaphor LIFE IS A JOURNEY. Dlm. Keith, A. (pnyt.). Selected Papers from the 2005 Conference of the Australian Linguistic Society. <http://www.als.asn.au/proceedings/als2005/abeckett-linking.pdf> Retrieved on: 20 December 2016.
- A. Samad Said. 1986. *Salina*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zahrani, A. 2008. Darwin's metaphors revisited: Conceptual metaphors, conceptual blends, and idealized cognitive models in the theory of evolution. *Metaphor and Symbol*, 23: 50–82.
- Baker, P. 2000. Working with the metaphor of life and death. *Medical Humanities* 26(2): 97-102.
- Banha, M. S. A, 2006. The Metaphorical Concept "Life is a Journey" in the Qur'an: a Cognitive-semantic Analysis. *Jurnal metaforik.de* 10/2006 <http://www.metaphorik.de> Retrieved on: 20 November 2016.
- Charteris-Black, J. 2004. *Corpus Approaches to Critical Metaphor Analysis*. H a m p s h i r e : Palgrave MacMillan.
- Deignan, A. 2005. *Metaphor and Corpus Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Deignan, A. 2016. Theories of Metaphor in Discourse: Contemporary Theories of Metaphor. <http://creet.open.ac.uk/projects/metaphor-analysis/theories.cfm?paper=cmt>. Retrieved on: 20 December 2016.
- Finney, M.K. 2001. France: Worldview. <http://acad.depauw.edu/~mkfinney/teaching/Com227/culturalportfolios/france/newfrance/Worldview.htm> Retrieved on: 20 December 2016.
- Fiumara, G. C. 1995. *The Metaphoric Process: Connections Between Language and Life*. London: Routledge.
- Gary, R. 1975. *La vie devant soi*. Paris: Mercure de France.

- Grady, J. 1997. *Foundations of Meaning: Primary Metaphors and Primary Scenes*. Tesis Ph.D. University of California, Berkeley.
- Hagège, C. 2002. *Halte à la mort des langues*. Paris: Odile Jacob
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(1): 125-139.
- Jaberi, S., Imran Ho Abdullah & Ravichandran Vengadasamy. 2016. Mystical Love Metaphors: A Cognitive Analysis of Sohrab Sepehri's Poetry. *GEMA Online Journal of Language Studies* 16(1): 143-156
- Jäkel, O. 2002. Hypotheses Revisited: The Cognitive Theory of Metaphor Applied to Religious Texts. *Metaphorik.de* 2: 20-42
- Khazriyati Salehuddin. 2003. *Grasping The Cognitive Mechanisms in 'CONTROL' Metaphors - A corpus-Based Study*. SoLLs Monograph Series. Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM.
- Knowles, M. & Moon, R. 2006. *Introducing Metaphor*. Oxford: Routledge.
- Kövecses, Z. 2002. *Metaphor: A Practical Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Lakoff, G. 1993. The Contemporary Theory of Metaphor. Dlm. *Metaphor and Thought*. Second edition, disunting oleh Ortony, A., 202-251. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G & Johnson, M. 1999. *Philosophy in The Flesh*. New York: Basic Books.
- Lakoff, G & Turner, M. 1989. *More than Cool Reason: A Field Guide to Poetic Metaphor*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lawler, J. 1983. Review of *Metaphors we live by*, by George Lakoff and Mark Johnson. 59: 201-207.
- Mohamad Fadzeli Jaafar. 2006. Gaya hipotaksis dan parataksis: suatu analisis stilistik. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mühlhäusler, P. 1995. Metaphors Others Live By. *Language & Communication* 15(3): 281-288.
- Nacey, S. 2009. Introduction to the Metaphor Identification Procedure (MIP). Kognitivt sommer seminar. <https://www.hihm.no/content/download/13093/118039/file/Nacey.ppt> Retrieved on: 20 December 2016
- Özçalışkan, Ş. 2003. In a caravanserai with two doors I am walking day and night: Metaphors of death and life in Turkish. *Cognitive Linguistics* 14(4): 281-320.
- Pragglejaz Group. 2007. MIP: A Method for Identifying Metaphorically Used Words in Discourse. *Metaphor and Symbol* 22(1): 1-39.
- Reddy, M.J. 1979. The conduit metaphor: a case of frame conflict in our language about language. In. Ortony, A. (ed.). *Metaphor and Thought*, 284-297. Cambridge: Cambridge University Press.
- Safarnejad, F., Imran Ho dan Norsimah Mat Awal. 2013. Cultural basis of metaphors translation: Case of emotions in Persian and English. *Asian Social Science* 10(7): 107-118.
- Sánchez, R. M. 1999. Imaginative Use of the Metaphorical Concept 'Life is a Journey' in Dobyns' Body Traffic: the Creation of the Novel Imaginative Metaphor 'the Body is a Vehicle'. <http://www.pala.ac.uk/uploads/2/5/1/0/25105678/paper11.pdf> Retrieved on: 20 December 2016.
- Sanford, D. 2008. Discourse and metaphor: A corpus-driven inquiry. *Corpus Linguistics and Linguistic Theory* 4(2): 209-234.
- Siti Marziah Zakaria, Nor Ba'yah Ab Kadir, Nasrudin Subhi & Khaidzir Ismail. 2015. Peramal Kepuasan Hidup Wanita Melayu Pertengahan Umur Bekerjaya di Hulu Langat, Selangor. *Akademika* 85(2): 45-53.
- Yu, N. 1998. *The contemporary theory of metaphor: A perspective from Chinese*. Amsterdam: Johns Benjamins.
- Yu, N. & Jia, D. 2016. Metaphor in culture: LIFE IS A SHOW in Chinese. *Cognitive Linguistics* 27(2): 147-180.
- Suziana Mat Saad (corresponding author)
Pusat Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
E-mail: suziana@ukm.edu.my
- Nor Hashimah Jalaluddin
Pusat Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
E-mail: shima@ukm.edu.my

Imran-Ho Abdullah
Pusat Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
E-mail: imranho@ukm.edu.my

Received: 14 June 2016

Accepted: 21 December 2016

